

# Institut lahirkan diplomat berwibawa

Oleh Juliana Omar

KUALA LUMPUR, Khamis — Jika seorang peniaga bersusah payah menghias tempat pameran kedainya untuk menarik pelanggan, bayangkan apa yang perlu dilakukan oleh seorang duta untuk memberi gambaran baik mengenai negaranya.

Memang banyak yang perlu dilakukan oleh duta itu jika beliau seorang yang berpegang pada prinsip bahawa kedutaan ialah cermin atau gambaran bagi negaranya.

Seorang yang mempunyai pegangan demikian ialah bekas Duta Malaysia ke Amerika Syarikat, Datuk Albert S Talalla, yang dilantik mengetuai Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR) negara selepas persaraannya tahun lalu.

Sebagai ketua pengarah institut sejak penubuhannya setahun lalu, beliau telah banyak membantu menanam perasaan bangga di kalangan generasi baru diplomat melalui programnya.

Di bawah bimbingan beliau, IDFR, yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah meningkat di segi kemampuan dan kejayaan.

Dalam temuramah di pejabatnya sempena ulang tahun pertama institut, Talalla berkata, IDFR ditubuhkan untuk melatih pegawai yang terbabit dengan kerja hubungan luar, selain mengasah bakat dan

pengetahuan mereka.

Ini selaras dengan hasrat Dr Mahathir supaya diplomat dilatih dalam semua bentuk diplomasi kerana pengalaman saja tidak mencukupi dan sikap serta peribadi tertentu mesti dididik supaya personaliti yang sesuai dengan diplomasi boleh diwujudkan di kalangan diplomat Malaysia.

Talalla berkata, diplomat perlu dilatih supaya lebih mahir selaras dengan tanggungjawab diplomat Malaysia hari ini dan masa depan yang lebih besar kerana hubungan antara antarabangsa lebih kompleks dalam setiap aspek.

Bagi menjamin matlamat itu dicapai, IDFR mengambil kesempatan daripada pengalaman duta dan bekas duta untuk menggubal silabus dan programnya.

Beliau juga mendapat nasihat daripada ramai pakar tempatan dan asing mengenai kepentingan sesuatu silabus, selain pengalaman institut serupa di luar negeri.

"Kami membentuk kurikulum berdasarkan nasihat mereka bagi memperbaiki kemahiran diplomatik," katanya.

Usaha ini jauh berbeza daripada cara lama melatih diplomat sambil bekerja dan memperkukukannya dengan kursus anjuran Pusat Diplomasi Institut Tadbiran Awam Negara (Intan).

Institut setakat ini su-



ALBERT TALALLA  
... Jaga imej

dah menjalankan 19 kursus latihan yang disertai 300 peserta tempatan dan luar negeri, dengan 10 daripadanya khusus untuk diplomat yang sedang berkhidmat.

Institut tidak hanya membuka pintu kepada badan kerajaan dan sektor swasta yang terbabit dalam hubungan antarabangsa tetapi juga daripada negara jiran dan membangun lain mengikut Program Kerjasama Teknikal Malaysia dan Asean.

Antara bidang yang diliputi ialah amalan diplomatik, kajian hubungan antarabangsa, strategik dan keselamatan, perundingan antarabangsa dan hubungan dagangan dan ekonomi antarabangsa.

Menerusi program ama-

lan diplomatik, latihan sebelum pertukaran diberi kepada diplomat dan isteri mereka bagi menjamin mereka bersedia sedia memainkan peranan sokongan sepenuhnya di luar negeri.

Selain kursus untuk diplomat baru, ia juga menganjurkan kursus untuk pegawai kanan, termasuk duta bagi membolehkan mereka mengetahui dasar dan rancangan terbaru kerajaan.

Program itu yang dikendalikan oleh pakar asing juga membantu mereka mempertingkatkan kemahiran dalam dua bidang penting — rundingan dan hubungan dengan media.

Program seperti itu diadakan sempena pelancaran institut yang memabitkan semua duta dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia.

IDFR juga memberi penekanan khas bagi mewujudkan hubungan yang baik antara bakal diplomat di rantau ini dengan menganjurkan kursus khas lapan minggu untuk 25 diplomat baru Asean atas tajaan sekretariat Asean.

Sementara itu, sesuai dengan dasar luar negara yang memberi penekanan lebih kepada ekonomi dan perdagangan, institut telah menganjurkan dua kursus seperti itu mengenai asas hubungan ekonomi antarabangsa dan penggalakan pelaburan.

IDFR sedang menyediakan dua kursus empat bulan pada akhir tahun ini untuk pengambilan baru tempatan dan satu lagi dalam perkara khusus membabitkan peserta asing.

"IDFR cuba sedaya upaya mendapatkan orang paling sesuai untuk memberi ceramah kepada peserta dengan mengambil bekas duta dan pakar asing serta tempatan termasuk Pengerusi Mida, Tan Sri Zainal Abidin Sulong, yang sebelum ini Ketua Setiausaha Kementerian Luar; dan bekas duta ke Argentina dan Brazil, Datuk Khor Eng Hee.

Ditanya sama ada graduan institut lebih baik daripada peserta sebelum mereka kerana mempunyai kelebihan dilatih khas untuk kerja itu, Talalla berkata, beliau mahu menganggapnya sedemikian.

"Bagaimanapun, masih banyak yang perlu dilakukan dan bagi menjamin kejayaan berterusan, kami menggunakan sepenuhnya maklumbalas yang diterima daripada bekas peserta untuk meminda dan memperbaiki silabus dan program."

Selain program jangka panjang, IDFR juga mengadakan ceramah separuh hari oleh orang kenamaan yang melawat negara ini, termasuk barubaru ini oleh Setiausaha Luar, Britain Douglas Hurd. — Bernama.